

26 JUL 1997

Anwar-Islam

KESELAMATAN NEGARA PERKARA UTAMA DALAM LAKSANA UNDANG-UNDANG ISLAM

KUANTAN, 26 Julai (Bernama) -- Pelaksanaan undang-undang Islam mesti secara bijaksana dan mengikut keutamaan matlamat syariah yang meletakkan jaminan keselamatan negara sebagai perkara utama, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Katanya, jaminan keselamatan negara mesti sentiasa diutamakan supaya tidak timbul kekecohanan atau ketegangan politik.

Kerajaan yang mempunyai jaminan keselamatan akan berupaya memantapkan lagi ekonomi untuk membolehkan usaha lain dilaksanakan seperti pembasmian kemiskinan, pendidikan serta kesihatan, katanya semasa merasmikan Konvensyen Umno Negeri Pahang ke-7 di Dewan Konvensyen di sini, yang dihadiri kira-kira 3,000 perwakilan dan pemerhati.

Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata parti politik pembangkang di Kelantan jangan terlalu ghairah membuat tuduhan dan memaki pemimpin negara semasa berucap kerana semua orang bertanggungjawab terhadap keselamatan negara.

"Apakah kita tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan negara ... apakah kita tidak bertanggungjawab terhadap ekonomi, mutu pendidikan dan menjadikan negara ini negara contoh," katanya.

Beliau turut membidas sesetengah pihak yang menyatakan pemimpin Umno tidak harus bercakap mengenai Islam kerana kurang arif mengenai Islam.

Apakah semua orang pula arif tentang keselamatan dan ekonomi negara,? tanya beliau.

Beliau berkata soal pelaksanaan hukum tidak harus dilakukan secara gopoh kerana jika itu dilakukan akan menjejaskan keselamatan negara.

Katanya, kekuatan Umno selama ini kerana berpegang kepada prinsip sederhana dalam pelbagai hal dan tidak menggunakan kuasa secara keras dan gopoh.

Katanya, pemupukan sifat kenal-mengenal, kerjasama, tolak ansur dan hormat menghormati antara rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama mesti sentiasa dipelihara.

"Kita tidak tentang syariah ... kita telah tunjukkan komitmen yang kita lalui dengan penubuhan institusi dan jabatan-jabatan syariah dan seumpamanya yang dilakukan melalui kekuatan politik dan ekonomi," katanya.

Katanya, beliau ada berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara ini baru-baru ini dan Perdana Menteri runsing takut kalau-kalau masyarakat terkeliru dengan perkara itu.

Semasa ditanya pemberita kemudian mengenai penyeragaman undang-undang syariah antara negeri di negara ini, beliau berkata ia akan dibangkitkan oleh Dr Mahathir pada Mesyuarat Majlis Raja-raja yang akan datang.

Pada majlis itu Anwar turut melancarkan buku Sejarah 50 Tahun Perjuangan Umno Pahang serta melawat pameran gambar pemimpin-pemimpin Umno di lobi Dewan Konvensyen itu. -- BERNAMA

AZ AHH